



Ruj.Kami : ANM.JB (A) 70/14 (2)  
Tarikh : 3 Februari 2020  
9 JamadilAkhir 1441H

## SEMUA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) N. JOHOR

YBhg. Dato/Datin/Tuan/Puan,

### PEMANTAUAN NOTA TERIMAAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN (GOODS/SERVICES RECEIVES NOTES (GRN) / FULLFILLMENT RECEIPT NOTES (FRN) KOD AKAUN L1312959

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan SPANM Bilangan 7 Tahun 2018 - Tatacara Pengurusan Bayaran adalah berkaitan.

2. Seperti YBhg. Datuk/ Dato/ Datin/ Tuan/ Puan sedia maklum, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk menjalankan pemantauan ke atas pengurusan bayaran di PTJ YBhg. Datuk/ Dato/ Datin/ Tuan/ Puan supaya mematuhi peraturan-peraturan kewangan yang telah ditetapkan.
3. Sehubungan itu, PTJ hendaklah membuat pemantauan dan semakan bagi Nota Penerimaan Bekalan Dan Perkhidmatan (GRN/FRN) disempurnakan pembayaran **dengan segera selewat-lewatnya pada bulan berikutnya** (kecuali bagi GRN/FRN bulan Disember disempurnakan mengikut tarikh penutupan akhir tahun). Sebarang kesilapan pada GRN hendaklah dikuiiri oleh PTJ dan jika melibatkan pembatalan hendaklah dibuat dengan kadar segera. Bermula pada tahun 2020, **pelarasan / pambatalan GRN melangkaui tahun adalah tidak dibenarkan.**
4. PTJ hendaklah membuat semakan status GRN/FRN telah diselesaikan di bawah modul Laporan Aset/ Liabiliti/ Ekuiti (kod akaun L1312959). Bagi sebarang pertanyaan boleh menghubungi Unit Akaun di alamat emel akaun\_jhr@anm.gov.my / Puan Siti Shaida bt Sukerman di talian 07-2249244 samb 1157.

Ruj.Kami : ANM.JB (A) 70/14 ( 2)  
Tarikh : 3 Februari 2020  
9 JamadilAkhir 1441H

PEMANTAUAN NOTA TERIMAAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN (GOODS/SERVICES RECEIVES NOTES (GRN) / FULLFILLMENT RECEIPT NOTES (FRN) KOD AKAUN L1312959

5. Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/ Dato/ Datin/ Tuan/ Puan untuk mengambil tindakan pemantauan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

***"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"***

Saya yang menandatangani amanah,

---

**(KALTHOM BINTI SALIM c.A(M))**  
Pengarah Negeri  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Negeri Johor